

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3 2023
TINGKATAN 5
PENDIDIKAN ISLAM

1223/1

Kertas 1
Oktober
2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
- 2. Jawab semua soalan.*
- 3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam kertas jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian jawapan hendaklah diikat dan dihantar kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ﴾

(Surah al-Hujurat 49 : ayat 13)

Ayat di atas menerangkan tentang manusia dicipta dalam pelbagai bangsa dan berpuak-puak untuk saling mengenali.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan sebab turun ayat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa. [2 markah]

Kepelbagaian bangsa membina peluang bagi mengukuhkan kehidupan yang harmoni dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

- (iii) Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

(b) Nyatakan dua jenis Mad Lazim. [2 markah]

(c) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ :
لَأَنْ يَخْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا
فِيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ .
(متفق عليه)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari.


Berdasarkan hadis,

- (i) Nyatakan maksud perkataan bergaris. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua cara untuk mencapai kejayaan secara beradab dan istiqamah. [4 markah]
- (iii) Terangkan dua pengajaran hadis. [4 markah]

2 (a) Al-Raqib merupakan salah satu daripada Asmaul Husna iaitu nama Allah SWT yang indah.

(i) Apakah maksud al-Raqib? [2 markah]

(ii) Jelaskan dua bukti Allah SWT bersifat al-Raqib. [4 markah]



(iii) Gambar di atas menunjukkan pelbagai platform laman media sosial. Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya ibu bapa tidak mengawal penggunaannya terhadap anak-anak dengan mengaitkannya dalam konteks keimanan terhadap nama Allah SWT al-Raqib. [4 markah]

(b) Ajaran sesat ialah ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah.

(i) Senaraikan dua contoh ajaran sesat di Malaysia. [2 markah]

(ii) Nyatakan maksud liberalisme agama. [2 markah]

(iii) Jelaskan dua ciri ajaran sesat dari aspek al-Quran dan al-Hadis. [2 markah]

(iv) Terangkan dua kesan melakukan ajaran sesat. [4 markah]

3 (a) Ibadah haji merangkumi rukun dan perkara wajib haji.

(i) Nyatakan jenis miqat.


[2 markah]

(ii) Senaraikan dua jenis haji.

[2 markah]

(iii) Jelaskan waktu bermula dan berakhir wukuf di Padang Arafah.

[2 markah]



Dipetik dan diubah suai : umrahexpert.blogspot.com

(iv) Berdasarkan gambar di atas, cadangkan bagaimana menangani isu tersebut.

[4 markah]

(b) Faraid merupakan salah satu cabang pengurusan harta dalam Islam.

(i) Nyatakan dua rukun faraid.

[2 markah]

(ii) Jelaskan dua syarat sah bagi waris yang berhak menerima faraid.

[2 markah]

(iii) Jelaskan dua perbezaan antara faraid dan wasiat.

[4 markah]

(iv) Seorang isteri meninggal dunia dan mempunyai suami, bapa, ibu dan seorang anak perempuan. Berapakah bahagian faraid bagi :

a) Suami

b) Ibu

[2 markah]

SULIT

4 (a) Kerajaan Abbasiyah telah dipimpin oleh 37 orang khalifah.

(i) Siapakah pengasas kerajaan Abbasiyah.

[1 markah]

(ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyah dari aspek pendidikan.

[4 markah]

Malaysia hilang jurutera, doktor sebab pelajar tak minat sains

PETALING JAYA – Negara bakal kehilangan golongan profesional tempatan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam tempoh 20 tahun lagi apabila ramai pelajar sekolah kini enggan memasuki aliran itu.

Dipetik dan diubah suai : Kosmo, 31 Mei 2023

(iii) Huraikan pandangan anda tentang isu di atas.

[4 markah]

(b) Imam Syafie merupakan salah seorang tokoh terkenal dalam bidang fikah.

(i) Nyatakan riwayat hidup Imam Syafie secara ringkas.

[3 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau terhadap perkembangan Islam.

[2 markah]

(c) Profesor Ahmad bin Ibrahim merupakan seorang tokoh undang-undang yang terkenal di Malaysia.

(i) Nyatakan **dua** pekerjaan beliau.

[2 markah]

(ii) Terangkan **dua** ibrah daripada keunggulan Profesor Ahmad bin Ibrahim.

[4 markah]

5 (a) Wasatiyah menjamin kecemerlangan umat.

(i) Nyatakan maksud wasatiyah.

[2 markah]

(ii) Jelaskan aspek keseimbangan dari sudut jasmani.

[2 markah]

(iii) Terangkan hikmah mengamalkan sifat wasatiyah dalam kehidupan seharian.

[2 markah]

﴿ كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ﴾

(Surah Ali Imran : Ayat 110)

Maksudnya : Kamu wahai umat Muhammad ialah umat paling baik yang dilahirkan bagi umat manusia kerana kamu menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta kamu beriman kepada Allah SWT.

(iv) Berdasarkan ayat di atas, bagaimanakah anda mengaplikasikan konsep wasatiyah untuk menjadi umat yang cemerlang.

[4 markah]

(b) Hari alam sekitar Malaysia disambut pada 21 hingga 27 oktober setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

(i) Apakah pengertian alam sekitar?

[2 markah]

(ii) Jelaskan dua punca berlakunya kerosakan alam sekitar pada masa kini.

[4 markah]

(iii) Terangkan dua hikmah adab menjaga alam sekitar.

[4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT